

4 MAR 1996

DR MAHATHIR HADIRI MAJLIS HARI RAYA BAKTI

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghadiri majlis Hari Raya Aidil Fitri anjuran Badan Amal Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri dan Timbalan Menteri (BAKTI) di Carcosa Sri Negara di sini, hari ini.

Yang Dipertua BAKTI Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Dr Mahathir sebagai penaung badan itu serta para hadirin dihiburkan dengan persembahan oleh kira-kira 400 orang kanak-kanak.

Kebanyakan daripada kanak-kanak itu adalah dari 11 sekolah dan rumah kebajikan di sekitar Selangor.

Dr Mahathir juga tidak keberatan untuk bergambar dengan kanak-kanak itu.

Pengarah Urusan Kumpulan Syarikat Matsushita di Malaysia, Ikuo Miyamoto, menyerahkan derma RM50,000 kepada Dr Siti Hasmah sebagai sumbangan kepada BAKTI.

BAKTI turut menerima sumbangan RM10,000 yang dikutip oleh pelajar-pelajar Sekolah Seri Garden bagi pihak Pusat Kiwanis Down Syndrome.

-- BERNAMA

MGM NAK